

<sup>24</sup>  
**SOALAN NO. : 24**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]**

**TARIKH : 2 Dis 2015**

**RUJUKAN : DR068**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris[ Jerantut ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang boleh dilakukan kepada pencerobohan di kawasan rezab sungai dan apakah perancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah pemendapan sungai di Cameron Highlands dan Sungai Pahang, selain daripada kaedah mengorek dan mendalam sungai serta, adakah kajian saintifik yang mengenal pasti bahawa faktor utama kesan pembalakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil tindakan bagi menangani pencerobohan rizab sungai-sungai di Cameron Highlands dan Sungai Pahang dengan menjalinkan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi Cameron Highlands, JPS bekerjasama dengan Ops Gading yang diketuai oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mendapatkan semula rizab sungai-sungai yang telah diceroboh. bagi mewujudkan semula zon pemampan yang boleh berfungsi sebagai komponen pengawalan hakisan. Kerjasama JPS dan MKN ini telah dimulakan sejak Disember 2014.

NRE juga sedar bahawa lanjutan daripada bencana banjir besar baru-baru ini bukan sahaja telah melibatkan kerosakan yang tinggi terhadap harta benda awam dan Kerajaan, namun ianya juga telah menyebabkan kesan hakisan yang besar terhadap tebing-tebing sungai di negeri-negeri yang terlibat termasuk sungai-sungai di Negeri Pahang. JPS telah mengenal pasti beberapa lokasi yang telah mengalami hakisan tebing yang serius terutama di sungai-sungai utama. Pihak Kementerian akan meneliti serta mempertimbangkan langkah-langkah yang bersesuaian melalui cadangan yang dikemukakan oleh JPS bagi memulihkan semula tebing-tebing sungai yang terhakis tersebut secara berperingkat-peringkat mengikut

keutamaannya. Antaranya ialah dengan membina struktur benteng penahan hakisan serta memuliharaan rezab sungai sebagai zon penampan

Sekian, terima kasih.